

Pustaka

B U L E T I N P N M



BIL. 2/2015
ISSN: 0128-8679
KELUARAN
JUL - DIS 2015



International Network of Emerging Library Innovators (INELI)-Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1 Malaysia

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya dapat kita bersua lagi dalam Buletin Pustaka Bil 2/2015. Terlebih dahulu, tahniah dan syabas kepada seisi warga Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menyumbangkan penulisan dan idea bagi keluaran kali ini.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus rancak dengan pelbagai program yang telah disusun sepanjang Julai hingga Disember 2015 untuk dilaksanakan dengan penuh kejayaan.

Buletin kali ini memuatkan beberapa program besar PNM iaitu IFLA WLIC 2015, CONSAL XVI, INELI, Persidangan Perpustakaan Masjid dan Majlis Perasmian Serentak 3 buah Perpustakaan Desa di Beaufort & Semporna, Sabah, Perasmian PD Semera, Kuching, Sarawak, NBOS JPA Outreach Programme dan Genta Bahasa II.

Marilah kita sama-sama berganding bahu dalam menjayakan matlamat organisasi dengan penuh dedikasi dan berkualiti untuk rakyat.

Wasalam.

Bangsa Membaca Bangsa Berjaya
HASHIMAH MOHD. YUSOFF

Hadith

"Orang mukmin sama ada lelaki ataupun perempuan akan sentiasa di uji oleh ALLAH S.W.T sama ada dirinya, anaknya ataupun hartanya sehinggalah dia menghadap ALLAH S.W.T tanpa dia membawa dosa sedikitpun"

(Hadith Riwayat Imam Tirmizi)

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia, - 1985 - .

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-8679

1. Libraries, National -- Malaysia. 2. Corporation reports.

ISI KANDUNGAN

2 Sidang Redaksi 2014 / 2015

3 DARI PEJABAT KETUA PENGARAH

Amanat Ketua Pengarah:
Perhimpunan Bulanan PNM

6 PERSIDANGAN

Persidangan
Perpustakaan Masjid
Peringkat Kebangsaan
2015
Sempena
Sambutan
Jubli Emas
Masjid Negara

8 International
Network Of
Emerging
Library
Innovators
(INELI)-
Association Of
Southeast Asian
Nations (Asean)

9 PERASMIAN
PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN

Majlis Perasmian
Serentak 3 Buah
Bangunan Baru
Perpustakaan Desa Di
Beaufort & Semporna, Sabah

9 Majlis Perasmian Perpustakaan
Desa Kampung Semera,
Samarahan, Sarawak

10 GERAKAN MEMBACA

Ekspo Buku Malaysia 2015 Peranan PNM yang
Lebih Aktif

11 Festival Sastera Kanak-Kanak



**PUSTAKA : BULETIN PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

SIDANG REDAKSI 2014 / 2015

PENAUNG

Hajah Nafisah binti Ahmad
Ketua Pengarah PNM

KETUA EDITOR

Hashimah binti Mohd Yusoff
hashimah@pnm.gov.my

KOORDINATOR PENERBITAN

Rosimah binti Soad
rosimah@pnm.gov.my

EDITOR

Azfaradila binti Zainal Abidin
azfaradila@pnm.gov.my

12 Program Singgahsantai@PNM#Relakslahdulu

13 Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan

14 **PROMOSI**
Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan Negara
Malaysia

15 Pameran Sempena NBOS JPA
Outreach Programme

16 Singapura Sumbang 300 Buku
Kepada Perpustakaan Negara
Malaysia

16 **PENGURUSAN
KUALITI**
Audit Motac Accountability
Index System (e-MAIS)

17 Taklimat Kesedaran
Peralihan MS
ISO9001:2008 Ke MS
ISO9001:2015

18 **MANUSKRIP**
Siri Keenam Wacana
Sulalatus Salatin

19 Bicara Sarjana:
*Magic And Divination
In Malay Illustrated
Manuscripts*

20 **GALERI**
PNM Sana-Sini

22 Program Ihya' Ramadhan 1436H

23 Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni

24 **PROGRAM BAHASA**
Pameran Bahasa Sempena Majlis Genta Bahasa
II Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK)
Peringkat Sektor Perkhidmatan Awam 2015

25 Program Bahasa Merentas Desa 2015

26 **BICARA ASEAN**
"ASEAN Beyond 2020"

26 **BICARA KEMERDEKAAN**
Bicara Sehati Sejiwa

27 **BENGKEL**
Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu

28 **PNM DI PERSADA ANTARABANGSA**
16Th Congress Of Southeast Asian Librarians
Meeting And General Conference
(CONSAL XVI)

30 IFLA WLIC 2015: Afrika Selatan

31 **AKTIVITI PERKHIDMATAN DIGITAL**
Gajet Samsung Penyambung
Hayat Pembelajaran

32 **AKTIVITI KANAK-KANAK**
Riang Ria Merdeka

32 Aktiviti Sempena Cuti Sekolah

33 **BERITA PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI PERLIS**
Bengkel Penghayatan, Penciptaan Dan
Pengucapan Pantun

33 Program Pengkisahan Sejarah Dan Nostalgia
Perlis Negeriku

33 Pertandingan Pantun Terbuka Negeri Perlis
2015

34 **KERATAN AKHBAR**

36 **LAWATAN DALAM DAN LUAR NEGARA**

37 **BELANGKASUWA**

37 **TAHUKAH ANDA / SAJAK**

38 **SUKAN**
Amukan Sang Juara

39 **MUTIARA KATA**

PENOLONG EDITOR

Mohd. Firdaus bin Ngah Sa'aya
firdaus_ngah@pnm.gov.my

EDITOR DALAM TALIAN

Mohd Faizul bin Sukeri
faizul_s@pnm.gov.my

PENYUMBANG ARTIKEL

Anisatul Wahidah binti Abd Wahid
Chin Loy Jyoon
Haizatul Afni binti Johari
Junaidah binti Rosliy
Katrun Nada binti Hashim
Lai Sow Woon
Mahadzafetri bin Mahmud
Mastura binti Husin
Mohamad Rizal bin Abdullah
Mohd Izani bin Che Jaafar
Norhamiza binti Mohamad Hanopiah

Noorzaimah binti Razali
Nur Fatimah Al-Zahra binti Moh
Nur Syazleen binti Ashah
Zahuddin bin Sidek
Zaiton binti Hassan

KETUA PENGARAH

Hajah Nafisah binti Ahmad
nafisah@pnm.gov.my

TIMBALAN KETUA PENGARAH

Maizan binti Ismail
maizan@pnm.gov.my

PENGARAH PERKHIDMATAN KORPORAT

Kamarudin bin Mat Nata
kamardin@pnm.gov.my

FOTOGRAFI

Muhamad Khairi bin Jaafar
Nor'Aini binti Mohamed Noor
Nor Hidayah binti Abd Halim

PENGEDARAN

Bahagian Komunikasi Korporat

SUSUN ATUR DAN KONSEP

Azfaradila binti Zainal Abidin

**SEBARANG SUMBANGAN ARTIKEL
BOLEHLAH DIAJUKAN KEPADA**

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
232 Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Tel : 03-26871700 samb 1826/ 1945
Emel : bkk@pnm.gov.my

AMANAT KETUA PENGARAH: PERHIMPUNAN BULANAN PNM

MUKADIMAH

Pertamanya, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia-Nya yang melimpahkan segala nikmat kesejahteraan dan kesihatan kepada kita semua dan mengizinkan kita berada di sini untuk bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan bulan Julai 2015 pada pagi ini.

Majlis perhimpunan bulanan ini diadakan bagi kita menanamkan iltizam, memperbaharui komitmen dan tanggungjawab kita terhadap tugas yang telah diamanahkan. Perhimpunan ini juga diadakan atas hasrat untuk memberi penerangan, penjelasan dan maklumat mengenai isu-isu dan peristiwa yang telah berlaku serta yang akan berlaku dalam bulan akan datang.

Warga PNM yang dikasihi sekalian,

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM DALAM MENJAGA RAHSIA KERAJAAN

Kita perlu sedar, sebagai penjawat awam, kita semua mempunyai tanggungjawab menjaga kerahsiaan kerajaan di agensi masing-masing bagi menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. YAB. Datuk Seri Najib Tun Razak di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke 14 pada 17 Jun 2015 di Putrajaya International Convention Center (PICC) telah meminta penjawat awam mentaati ikrar perkhidmatan awam untuk tidak membocorkan rahsia kerajaan. Amaran ini perlu di ambil



serius oleh semua penjawat awam. Penjawat Awam bertanggungjawab menjaga rahsia kerajaan mengikut Surat Pekeliling Am dan Arahan Keselamatan Kerajaan. Penjawat Awam tidak seharusnya mengambil kesempatan dengan memberi maklumat kepada pihak tertentu demi keuntungan peribadi atau dengan niat untuk merosakkan imej dan reputasi kerajaan.

Ini termasuk maklumat rahsia dan sensitif seperti maklumat mengenai tender. Penjawat Awam boleh dikenakan tindakan mengikut peraturan-peraturan pegawai awam 1993 atau Akta Rahsia Rasmi. Dibawah seksyen 8(1) akta terbabit, menjadi kesalahan bagi mereka yang tidak diberi kuasa memilik atau mengawal mana-mana rahsia rasmi, menyimpannya, menggunakannya, menyampaikannya atau gagal menjaga rahsia tersebut dengan munasabah. Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana penjawat awam yang membocorkan rahsia kerajaan dan mereka yang berbuat demikian akan dikenakan tindakan tegas termasuk dipecat daripada jawatan mengikut Surat Pekeliling Am dan Arahan Keselamatan Kerajaan.

Warga PNM yang dikasihi sekalian,

KEIKHLASAN DAN BERSYUKUR SEBAGAI AMALAN DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN

Kerjaya dalam perkhidmatan awam adalah suatu yang mulia – “it is a calling”. Kita semua perlu sedar bahawa kita adalah “civil servant” dalam erti kata sebenar. Rakyat adalah pelanggan kita. Tugas utama kita tidak lain tidak bukan untuk memelihara kepentingan negara dan berusaha menambahkan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, budaya “mesra pelanggan” dengan mementingkan kehendak dan kemudahan pelanggan hendaklah menjadi fokus utama setiap

“ Tugas utama kita tidak lain tidak bukan untuk memelihara kepentingan negara dan berusaha menambahkan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, budaya “mesra pelanggan” dengan mementingkan kehendak dan kemudahan pelanggan hendaklah menjadi fokus utama setiap penjawat awam.”

penjawat awam. Dalam menjayakan hasrat ini, warga PNM perlu menghayati dan mengamalkan sifat keikhlasan dan bersyukur sebagai amalan bersama untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Sikap ikhlas dalam menjalankan tugas:

- Berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan dari manusia;
- Mempunyai niat bertugas kerana Tuhan, kerana mencari rezeki yang halal serta mencari keredhaannya; dan
- Mengikis sebarang unsur "kepentingan diri" dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.

Amalan Bersyukur

- Bersyukur kerana dapat melakukan tugas untuk menjamin kesejahteraan hidup sebagai seorang anggota masyarakat;
- Berkecenderungan melihat keadaan dengan lebih positif sehingga menggerakkan untuk lebih berusaha gigih;
- Menghayati budaya kerja yang bersopan dan tidak bertentangan dengan kehendak agama (nilai-nilai agama dan kerohanian);
- Tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat;

- Tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia;
- Berkhidmat sebagai ibadah; dan
- Bercita-cita menjadi manusia yang mempunyai sumbangan yang banyak kepada masyarakat, negara dan agama.
- Tanda bersyukur dalam perkhidmatan ialah dengan menjadikan khidmat kepada negara dan orang ramai sebagai ibadah. Tugas yang dijalankan bukan semata-mata untuk mencari nafkah, tetapi lebih daripada itu. Selain daripada bertujuan mencari nafkah, ia juga hendaklah memenuhi tuntutan ibadah iaitu mencari nafkah untuk diri dan keluarga bagi memenuhi kewajipan yang ditentukan oleh Allah SWT.

KEJOHANAN SUKAN LIMA PENJURU 2015

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada pemain-pemain yang mewakili PNM. Kejohanan sukan yang bermula pada 4 April 2015 dan melabuhkan tirai pada 12 Jun 2015 telah menobatkan PNM sebagai juara keseluruhan.

GOODWILL GAMES MALAYSIA-THAILAND

Untuk makluman, susulan kejohanan sukan lima penjurus 2015, ada beberapa pemain PNM yang terpilih untuk mewakili

kementerian di Goodwill Games Malaysia-Thailand. Sukan muhibah ini akan diadakan dari 13 hingga 15 Ogos 2015 bertempat di Ipoh, Perak dengan tema "Gempita Sahabat Meraih Muhibah" ("Celebrating Endless Goodwill & Friendship"). Bermainlah dengan bersungguh-sungguh, jaga nama jabatan dan kementerian.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan semua program/aktiviti yang telah dianjurkan oleh Jabatan mahupun di peringkat kementerian. Semoga semangat kerjasama berpasukan akan berterusan untuk program-program akan datang.

Warga PNM dikasihi sekalian

Tempoh lima (5) bulan terakhir pada tahun 2015 ini adalah kritikal untuk kita melaksanakan KPI dan sasaran kerja yang telah ditetapkan serta menjalankan program dan aktiviti yang telah dirancang. Bagi menempuh baki tahun 2015 yang semakin mencabar ini, kita wajar membawa pendekatan bekerja dengan lebih komited demi menempa sebuah organisasi yang bukan sahaja cemerlang tetapi terbilang. Saya pasti, lebih banyak cabaran dan dugaan yang akan kita hadapi selepas ini dan dengan segala sumber yang terhad dan dalam keadaan dunia ekonomi yang mencabar ini, kita perlu mempertajamkan minda supaya lebih berinovatif, kreatif dan efektif dalam melaksanakan tugas kita.

Warga PNM yang dikasihi sekalian,

Saya akhiri ucapan saya dengan 2 rangkap pantun.

Bunga Kasturi, di tengah laman
Tempat wakaf, tepian kali
Salam Aidilfitri, saya ucapkan
Salah dan khilaf, mohon dimaafi
Gulai kawah, Kota Melaka
Pulut Durian, Manis Sekali
Eratkan Ukhuwah, Sesama Kita
Moga Lebaran, Ceria Dirai

Sekian, Wabillahittaufig wal hidayah
wassalamualaikum.



Pengurusan tertinggi PNM bersama-sama kakitangan semasa Perhimpunan Bulanan



PERSIDANGAN PERPUSTAKAAN MASJID PERINGKAT KEBANGSAAN 2015 SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS MASJID NEGARA

Perpustakaan Negara Malaysia telah berganding bahu dengan JAKIM dengan rakan strategik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Masjid Negara dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dalam penganjuran Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2015 sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara Perpustakaan Masjid bertemakan Pemacu Transformasi Ummah. Persidangan ini telah diadakan di Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 11-12 Ogos 2015.

Majlis telah dirasmikan oleh YB. Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (Hal Ehwal Agama Islam).

OBJEKTIF

- Menyediakan wadah interaktif kepada peserta, pihak berwajib, JAKIM, ahli akademik dan bukan akademik berkongsi idea dan pandangan mengenai isu, langkah-langkah proaktif dan cabaran mengimarahkan Perpustakaan Masjid;
- Mengenalpasti arah tuju dan sinergi utama dalam pembangunan dan perkembangan perpustakaan di setiap masjid di Malaysia;
- Menjadikan Perpustakaan Masjid sebagai pusat aktiviti keilmuan dan pembelajaran sepanjang hayat dan
- Merealisasikan masjid sebagai institusi penyebar ilmu dan penyatuan ummah.

Seramai 267 orang peserta yang terdiri daripada wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri, wakil MOTAC, wakil Perpustakaan Awam Negeri (PAN), Ahli Akademik/ Pensyarah serta Pelajar Universiti Awam dan IPTS, dan wakil NGO dan orang perseorangan.

Menarik adalah sidang pleno yang disampaikan oleh Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan dengan tajuk "Kewajian Membaca". Di samping itu kupasan 8 kertas kerja oleh pembentang dalam dan luar Negara.

Satu Garis Panduan Perpustakaan Masjid terbitan PNM dan Buletin Suara Khas Masjid Negara sempena 50 tahun masjid terbitan JAKIM telah dilancarkan.

Pameran yang bertajuk "Perpustakaan Tersohor Di Dunia" berfokus kepada gambar dan maklumat tentang masjid serata dunia sebagai pusat perkembangan ilmu dan maklumat turut diadakan.

Keberhasilan Persidangan

Penganjuran persidangan ini diharapkan dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat dalam menjana kesedaran mereka mengenai Perpustakaan Masjid. Di penghujung persidangan ini para peserta dapat :

- (a) Mewujudkan networking dan bertukar-tukar idea baharu dalam pembangunan dan naiktaraf Perpustakaan Masjid.
- (b) Memberi kesedaran kepada JKKKampung dan AJK Masjid/ Surau kepentingan penubuhan dan naiktaraf Perpustakaan Masjid.



- (c) Membina kerjasama dengan penglibatan pelbagai agensi dalam memantapkan pengurusan Perpustakaan Masjid.
- (d) Memperkemas peranan dan fungsi Perpustakaan Masjid agar dapat ditonjolkan serta diimarahkan sebagai pusat keilmuan dan budaya komuniti.
- (e) Menerapkan budaya membaca di kalangan masyarakat terutama kanak-kanak dalam lingkungan ahli kariah.
- (f) Melantik kakitangan yang mempunyai ilmu dalam pengurusan maklumat agar perkhidmatan dan pengurusan Perpustakaan Masjid dapat disediakan dengan efisien
- (d) Memperkasa sumber manusia dalam mengendalikan operasi Perpustakaan Masjid seperti:
- (e) Melantik wakil dalam Ahli Jawatankuasa Masjid dari kalangan mereka yang mempunyai latar belakang pengurusan maklumat agar pengetahuan dan kemahiran pengurusan perpustakaan dapat dikongsi dan diaplikasi dengan sebaiknya;
- (f) Memastikan kakitangan yang mengendalikan operasi Perpustakaan Masjid mempunyai latar belakang pengurusan perpustakaan dan kemahiran Bahasa Arab; dan
- (g) Memastikan sukarelawan yang bertugas di Perpustakaan Masjid mendapat latihan yang khusus dalam bidang pengurusan perpustakaan.
- (h) Memperluas perkhidmatan Perpustakaan Digital Perpustakaan Negara Malaysia kepada Perpustakaan Masjid.
- (i) Mengaplikasikan amalan terbaik di kalangan Perpustakaan Masjid seperti:
- (j) Mengguna pakai sistem modular bagi mengatasi masalah ruang yang terhad bagi sesebuah Perpustakaan Masjid; dan
- (k) Menjadikannya sebagai pusat tumpuan masyarakat dengan adanya nilai tambah seperti aktiviti pembudayaan ilmu, pembelajaran sepanjang hayat dan keusahawanan bagi menggalakkan lagi fungsi masjid secara optimum.
- (l) Menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu Peringkat Kebangsaan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang bertindak sebagai penyelar, khidmat rundingan dan perkembangan infrastruktur kepada pusat maklumat Islam seperti Perpustakaan Masjid dan institusi yang mempunyai sumber maklumat yang berkaitan.
- (m) Menerapkan budaya membaca di kalangan masyarakat dengan menggalakkan penubuhan Perpustakaan Mini di surau dan rumah.

Resolusi

Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2015 bertepatan dengan penekanan ilmu aqli (akal) sebagai salah satu tonggak Maqasid Syariah dalam merealisasikan transformasi ummah. Resolusi yang dicadangkan iaitu:

- (a) Mewujudkan satu kerangka kerja (framework) pelaksanaan, pembangunan Perpustakaan Masjid dengan melibatkan pelbagai agensi seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri dan Institut Pengajian Tinggi bagi mencapai matlamat melahirkan individu yang abrar (noble) dan masyarakat madani.
- (b) Memantapkan kerjasama melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara Institusi Masjid dengan agensi lain untuk mengimarahkan Perpustakaan Masjid bagi memantapkan:
 - i. Tadbir urus;
 - ii. Penyelidikan;
 - iii. Automasi;
 - iv. Pengurusan Perpustakaan Masjid; dan
 - v. Modal Insan.
- (c) Mengukuhkan sumber kewangan daripada sumber wakaf, endowment dan sumber peruntukan kerajaan seperti daripada Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat bagi membantu menjayakan pembangunan, pengurusan dan kelestarian Perpustakaan Masjid dari segi pembangunan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan.



INTERNATIONAL NETWORK OF EMERGING LIBRARY INNOVATORS (INELI)-ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS (ASEAN)

Yayasan Bill dan Melinda Gates akan membiayai projek ini selama 3 tahun menerusi Perpustakaan Negara Filipina yang telah dilantik sebagai penyelaras. Projek ini akan bermula pada tahun ini sehingga tahun 2017. *INELI-ASEAN Project* merupakan satu projek bertujuan mewujudkan satu rangkaian perpustakaan awam yang sedang membangun di rantau ASEAN.

Antara objektif projek ini adalah untuk memantapkan kemahiran kepimpinan pemimpin perpustakaan awam, mewujudkan jaringan pemimpin perpustakaan awam serantau yang kukuh, membangunkan keupayaan untuk menyediakan latihan kepimpinan perpustakaan secara berterusan dan menggalakkan kerjasama dan

perkongsian yang kukuh dalam kalangan pemegang taruh atau *stakeholder* perpustakaan awam di rantau ini.

Hasil utama dari projek ini adalah untuk membentuk pustakawan-pustakawan muda bagi meningkatkan tahap kepimpinan serta melahirkan *innovators* dalam bidang kepustakawanan melalui proses bimbingan dari pustakawan yang lebih berpengalaman serta berpengetahuan yang berperanan sebagai mentor. Pustakawan yang menjadi mentor adalah Dr. Chutima dari Thailand, Puan Renu Rabilal dari Afrika Selatan, Puan Bessa Clara dari Brazil, Ms Ngian Lek Chok dari Singapura dan Puan Rashidah Bolhassan dari Malaysia. Bengkel pertama diadakan di Kuala Lumpur

pada tahun 2015, seterusnya akan diadakan di Singapura pada tahun 2016 dan Viet Nam pada tahun 2017.

Projek INELI-ASEAN merupakan program pembangunan kepimpinan untuk perpustakaan awam di rantau ASEAN bertujuan mewujudkan satu jaringan yang terdiri daripada pustakawan, rakan kongsi institusi, penasihat dan pemudahcara pembelajaran untuk menjalin kerjasama dan perkongsian di rantau Asia Tenggara sebagai *Roadmap* untuk *ASEAN Economic Community (AEC) 2015*.

Hasil projek INELI-ASEAN adalah satu penubuhan Rangkaian Maklumat Perpustakaan ASEAN (*ASEAN Public Library Information Network*) atau APLIN pada Oktober 2017.



MAJLIS PERASMIAN SERENTAK 3 BUAH BANGUNAN BARU PERPUSTAKAAN DESA DI BEAUFORT & SEMPORNA, SABAH

Budaya membaca adalah antara pemangkin atau petunjuk utama tahap kemajuan ekonomi dan tinggi atau rendahnya budaya ilmu yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat bagi mencapai status sebuah negara yang hebat, maju lagi berdaya saing. Ini selari dengan gagasan Wawasan 2020, di mana kerajaan mensasarkan untuk menjadi sebuah negara maju.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk memperhebat dan memperkasakan budaya membaca rakyat Malaysia amnya, dan negeri Sabah khasnya, pihak kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM1.07 juta untuk membina 3 buah bangunan baharu Perpustakaan Desa termasuk pengisian iaitu:

- Perpustakaan Desa Kampung Batu 58, Beaufort,
- Perpustakaan Desa Rancangan Klias, Beaufort, dan
- Perpustakaan Desa Kampung Kebimbangan, Pulau Bum-Bum, Semporna

Majlis telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia merangkap Ahli Parlimen P.177 Beaufort. Turut hadir adalah YBhg Ketua Pengarah PNM Puan Hajah Nafisah Ahmad dan Yang Berusaha Encik Wong Vui Yin, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah.



Sehingga kini sebanyak 1,124 buah perpustakaan desa telah berjaya di bina di seluruh negara. Malah di negeri Sabah kini, terdapat 125 buah perpustakaan desa termasuk 3 buah perpustakaan desa baharu ini. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek pembinaan sebuah Perpustakaan Awam Cawangan di Kinabatangan, Sabah. Janganlah kita persiapkan kemudahan keilmuan yang ada ini. Kunjungilah perpustakaan dan semarakkan budaya membaca di setiap lapisan masyarakat tanpa mengira umur atau bangsa.

MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG SEMERA, SAMARAHAN, SARAWAK

Perpustakaan Desa Kampung Semera, Samarahan, Sarawak adalah sebuah perpustakaan desa baharu yang telah siap dibina pada bulan Ogos 2015. Sehubungan itu, Perpustakaan Negara Malaysia dan Pustaka Negeri Sarawak telah bekerjasama mengadakan Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Semera, Samarahan, Sarawak pada 11 Oktober 2015 (Ahad) yang telah dirasmikan oleh YB. Puan Hajah Nancy binti Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen (P.200) Batang Sadong. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Tan Sri Datuk Amar Dr. Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak; YBhg. Puan Hajah Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah



Perpustakaan Negara Malaysia; YBrs Hajah Rashidah binti Haji Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak; YB. Ir. Aidel bin Lariwoo, ADUN N.20 Sadong Jaya serta penduduk Kampung Semera dan sekitarnya.

Majlis perasmian ini juga bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan Perpustakaan Desa sebagai sebuah pusat sumber maklumat kepada penduduk tempatan. Ia juga dapat menggalakan masyarakat setempat

menggunakan kemudahan perkhidmatan ICT dan bahan bacaan yang telah disediakan. YB. Puan Hajah Nancy binti Shukri juga turut menjayakan sesi bercerita bersama 15 orang pelajar tabika KEMAS dan menanam anak pokok buah-buahan sebagai simbolik perasmian di Taman Semaian Ilmu sempena majlis tersebut.



EKSPLO BUKU MALAYSIA 2015 PERANAN PNM YANG LEBIH AKTIF



Ekspo Buku Malaysia 2015 merupakan acara yang dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan sebagainya. Ekspo buku ini telah diadakan pada 25 November sehingga 29 November 2015.

Ekspo Buku Malaysia telah dirasmikan pada 25 November 2015 oleh YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia. Satu Majlis Anugerah Buku Negara 2015 juga diadakan pada 26 November 2015 dan telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Zahid bin Hamidi.

165 tapak pameran telah diperuntukkan oleh penganjur untuk mempamerkan yang terdiri daripada industri perbukuan swasta dan agensi kerajaan. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) selaku penyelaras Kempen Membaca Kebangsaan merupakan antara pameran yang merencanakan lagi industri buku negara.

Antara pengisian Pavillion PNM adalah Pameran Peradaban Manuskrip Melayu, Pameran Perkhidmatan PNM, Jualan Terbitan PNM seperti buku, bibliografi, jurnal, katalog, buku panduan, CD dan VCD. Antara aktiviti pentas yang diadakan adalah Bicara Manuskrip Melayu, Taklimat Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan dan Aktiviti Jawi.



YB Menteri Pendidikan tertarik dengan replika Batu Bersurat Terengganu



Aktivi Klinik Jawi



FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK

GERAKAN MEMBACA



Booth u-Pustaka/Pendaftaran



Bengkel Jawi



Batik Vaganza



Mewarna

Program Festival Sastera Kanak-Kanak telah diadakan pada 29 Oktober sehingga 1 November 2015 yang telah diadakan di Dataran Underground, Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia telah dijemput oleh Perbadanan Kota Buku dan MBBY bersama agensi-agensi lain termasuk pembekal dan penerbit buku. Objektif program ini diadakan khas untuk mengagungkan karya sastera kanak-kanak yang boleh diketengahkan untuk rujukan dan pameran kepada semua pengunjung FSK. Dalam pada itu juga memudahkan pengunjung perpustakaan bersantai bersama masa yang kualiti bersama keluarga pada cuti minggu. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang program tersebut adalah Face Painting, Story Playground (*Alumni Training Project for Asean Children's Librarian*), *My Fancy Paper Bag*, Apresiasi Batik Vaganza, *Let's Smile Together* dan Teka Karoks. Pameran perkhidmatan PNM, promosi pendaftaran keahlian PNM dan u-Pustaka, Perkhidmatan oleh Bahagian Pemuliharaan, Promosi perkhidmatan PNM Digital dan aktiviti Santai Jawi. Selain itu, beberapa aktiviti kanak-kanak turut diadakan di pentas utama termasuk karaoke santai. Kesimpulannya dianggarkan seramai 3,760 orang pengunjung telah menyertai program pada hari tersebut.



Aktiviti Santai



Its Cinderella Time



Pemuliharaan Bahan





PROGRAM SINGGAHSANTAI@PNM#RELAKSLAHDULU

Program SinggahSantai@PNM#Relakslahdulu telah diadakan pada 12 Disember 2015 (Sabtu) di Perpustakaan Negara Malaysia. Objektif program ini diadakan untuk memudahkan pengunjung perpustakaan bersantai bersama masa yang kualiti bersama keluarga pada cuti minggu. Program ini akan dilakukan secara 2 bulan sekali dan pengisian program adalah lebih santai. Perasmian telah diadakan oleh YBhg. Cik Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang program tersebut adalah Persembahan Teater oleh kanak-kanak bertajuk Aladin Oh Aladin, Let's Smile Together, Runway 3R, Peraduan Teka Jumlah Buku, persembahan magik oleh Ejik The Magik, Bicara Santai dan booth gerai-gerai aktiviti dan makanan termasuk Urutan Refleksologi oleh Persatuan Orang Buta. Pameran perkhidmatan PNM, promosi pendaftaran keahlian PNM dan u-Pustaka, Perkhidmatan oleh Bahagian Pemuliharaan, Promosi perkhidmatan PNM Digital dan aktiviti Santai Jawi. Tidak lupa juga pameran dari kementerian Kesihatan Malaysia dan FRIM. Selain itu, beberapa aktiviti kanak-kanak turut diadakan di pentas utama termasuk karaoke santai. Di samping itu juga YBhg. Ketua Pengarah juga menyampaikan Anugerah Peminjam Terbanyak tahun 2015 dan Tokoh Sukarelawan 2015. Kesimpulannya dianggarkan seramai 1,580 orang telah menyertai program pada hari tersebut. Aktiviti ini akan dijangka berlangsung pada bulan Februari 2016 nanti.





JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN

Program "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" 2015 merupakan satu NBOS PNM dan KTMB Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam meningkatkan kesedaran membaca khusus dalam kalangan pengguna pengangkutan awam di Malaysia. Program ini yang telah bermula sejak tahun 2009 diteruskan lagi pada tahun 2015 dengan menggunakan Perkhidmatan Keretapi Elektrik/Electric Train Service (ETS), perjalanan dari Stesen Sentral Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Padang Besar, Perlis.

Majlis Pelepasan (flag-off) Program "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan 2015" telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abdul Ghaffar A. Thambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) bertempat di platform keretapi Stesen Kuala Lumpur (KL) Sentral dan turut disertai oleh YBrs. Puan Hajah Nafisah Ahmad (Ketua Pengarah PNM), Leftenan Kolonel (B) Haji Sarbini Tijan (Presiden KTMB), Datuk Norliza Rofli (Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara), Dr. Zainab Ibrahim (Ketua Pengarah Jabatan Warisan), barisan pengurusan PNM dan wakil-wakil agensi di bawah KPK.



Seramai 795 orang peserta yang terdiri dari pelbagai latar belakang dan umur telah menyertai program ini dari Stesen KL Sentral - Stesen Keretapi Padang Besar – Stesen KL Sentral. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Sesi Bersama Bersama Angkasawan Negara, Bacaan Kegemaran Saya Bersama Dr. Lim Swee Tin, Sesi Mewarna Bersama Uneh Raja Warna, Sesi Nyanyian Lagu-Lagu Rakyat dan Apresiasi Puisi Bersama Dr. Lim Swee Tin.



Majlis Pelepasan Flag-Off oleh YBhg. TKSU (Kebudayaan KPK)



GERAKAN MEMBACA



HARI BERTEMU PELANGGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan PNM iaitu:

BIL	TARIKH	LOKASI
Bil 1/2015	14 Mac 2015	Perpustakaan Negara Malaysia
Bil 2/2015	16 Ogos 2015	Aeon AU2, Setiawangsa
Bil 3/2015	7 Disember 2015	Berjaya University College of Hospitality

Perpustakaan Negara Malaysia

Program ini bertujuan mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM kepada orang ramai. Selain daripada itu, ia juga memberi peluang kepada pengunjung serta orang ramai untuk bersemuka secara terus bagi berbincang dan bertukar pandangan disamping mendapatkan maklum balas daripada orang ramai bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan PNM.

Terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya pameran mengenai perkhidmatan yang disediakan di PNM, pendaftaran keahlian PNM, u-Pustaka dan PNM Digital, jualan buku terbitan PNM, aktiviti santai jawi, sesi Literasi Maklumat & Media Pengguna dan aktiviti kanak-kanak.



Kakitangan yang terlibat melayan pertanyaan pengguna perpustakaan



Sesi Bercerita oleh Uncle Mael dengan buku berjudul Tikus Bandar dengan Tikus Kampung

Aeon AU2, Setiawangsa



Pendaftaran keahlian PNM dan U-Pustaka di hadapan Watson

Berjaya University College of Hospitality



Majlis Perasmian dengan gimik pelancaran simbolik satu kerjasama antara Perpustakaan Negara Malaysia dengan Berjaya Universiti Kolej.



Lawatan sambil belajar oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 9(2)



Jabatan Perkhidmatan Awam telah menganjurkan Program NBOS JPA Outreach Program pada 5 dan 6 Disember 2015 di Langkawi, Kedah. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah dijemput untuk menyertai pameran sempena program tersebut. Antara pengisian pameran adalah Pameran Inisiatif Pelan Transformasi PNM, Keahlian U-Pustaka, Promosi Perkhidmatan Digital PNM, Kuiz dan Aktiviti mewarna kanak-kanak. Seramai 216 orang pengunjung telah mengunjungi pameran tersebut. Sambutan dari pengunjung amat menggalakkan kerana pengunjung boleh mengetahui perkhidmatan yang disediakan oleh PNM disamping boleh mendaftar sebagai ahli PNM.





SINGAPURA SUMBANG 300 BUKU KEPADA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Singapura telah menyumbang sebanyak 300 buku pelbagai tajuk sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke 50 Singapura dan ulang tahun ke 50 hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Buku-buku tersebut merangkumi pelbagai tajuk berkaitan seni bina, biodiversiti, pembangunan, ekonomi, sejarah dan kesusasteraan Singapura telah diserahkan kepada Ketua Pengarah PNM oleh Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Malaysia



Antara buku-buku sumbangan Kedutaan Singapura



Vanu Gopala Menon. Beliau berkata, kerjasama kukuh antara kedua-dua perpustakaan itu amat penting kerana ia menyatukan rakyat melalui perkongsian sejarah, budaya dan berkongsi kenangan yang dirakamkan dalam buku dan kandungan digital.

Manakala Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad berkata inisiatif yang diambil oleh National Library Board of Singapore dengan menyumbang buku-buku ini akan mengukuhkan lagi persahabatan dan pemahaman mendalam kedua-dua Negara. Inisiatif ini akan mempromosi maklumat mengenai Singapura melalui projek PNM ke arah mempromosi maklumat mengenai Negara-negara anggota ASEAN.



AUDIT MOTAC ACCOUNTABILITY INDEX SYSTEM (e-MAIS)

Sesi pengauditan ini bermula pada 5 Oktober 2015 hingga 29 Oktober 2015. Auditan dijalankan oleh Pasukan Audit dari Unit Audit Dalam KPK yang diketuai oleh Puan Selwah binti Hj Said ke PNM. Audit ini merupakan yang kali pertama diadakan di PNM.

Tujuan audit ini dijalankan adalah bagi mengesahkan kesahihan jawapan yang telah PNM berikan melalui soalan pengauditan pengurusan kewangan secara eMAIS sebelum ini. Audit ini juga bertujuan bagi meningkatkan kualiti pengurusan kewangan dan memastikan kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan teratur dan mengikut tatacara yang berkuatkuasa.

Skop pengauditan meliputi audit Pengurusan, Bajet, Terimaan, Bayaran, Panjar Wang Runcit, Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Aset dan Stor.



TAKLIMAT KESEDARAN PERALIHAN MS ISO 9001:2008 KE MS ISO 9001:2015

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa skop MS ISO 9001:2008 telah ditambah baik dan akan menjadi MS ISO 9001:2015. Justeru, jabatan telah mengadakan Taklimat Kesedaran Peralihan MS ISO 9001:2008 ke MS ISO 9001:2015 pada 17 November 2015 bertempat di Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Puan Hanida binti Ghazali, Juruaudit Kanan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua kakitangan PNM mengenai peralihan MS ISO 9001:2015 daripada MS ISO 9001:2008. Di dalam pengaplikasian MS ISO 9001: 2015 ini, ia lebih menitik beratkan kepuasan pelanggan dengan memfokuskan komitmen daripada pengurusan tertinggi jabatan. Apa yang lebih ditekankan lagi adalah dari segi tanggungjawab dalam pengurusan risiko yang menyokong dan memperbaiki proses kerja malah objektif dan polisinya perlu selari dengan Pelan Strategik Jabatan. Terdapat juga beberapa perkara dalam prosedur baharu ini yang perlu diberi penekanan semasa perlaksanaannya nanti.

Seramai 250 orang kakitangan PNM telah menghadiri taklimat ini. Sebagai panduan dan rujukan tambahan, nota taklimat yang mengandungi pelbagai maklumat MS ISO 9001:2015 juga telah diedarkan kepada semua staf PNM.



Puan Hanida Ghazali, Juruaudit Kanan, SIRIMQAS International Sdn. Bhd., menyampaikan taklimat kepada kakitangan PNM mengenai perubahan-perubahan dalam ISO 9001:2015 yang bakal dilaksanakan.



Barisan pengurusan dan kakitangan PNM yang hadir memberikan tumpuan mengenai perubahan dalam pelaksanaan ISO 9001: 2015



SIRI KEENAM WACANA SULALATUS SALATIN



Siri Keenam Wacana Sulalatus Salatin telah dilaksanakan pada 27 Oktober 2015 di Bilik Serbaguna Aras 1, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Wacana ini telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM. Pembentangan kertas kerja pada siri keenam ini telah menampilkan empat orang penyelidik manuskrip Melayu iaitu Dr. Bazrul Bahaman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan tajuk Permasalahan Negara Tradisional dalam Sulalatus Salatin. Puan Effah Imtiaz Zainol dari Perpustakaan Negara Malaysia pula membentangkan kertas kerja yang bertajuk Sulalatus Salatin: Mahakarya yang Mempengaruhi Dunia pada sesi pertama. Sesi kedua pembentangan kertas kerja telah disampaikan oleh Dr. Mardiana Nordin dari Universiti Malaya

dengan kertas kerja yang bertajuk Peperangan dalam Sulalatus Salatin dan kertas yang terakhir telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Yusof Abdullah, Pengarah Lembaga Muzium Terengganu dengan tajuk Pelayaran dan Perkapalan dalam Sulalatus Salatin.

Karya Sulalatus Salatin bukan hanya karya sejarah tetapi juga merupakan suatu dokumen penting yang mengandungi lunas-lunas tradisi politik dan nilai sosial masyarakat Melayu. Terdapat tanggapan daripada pengkaji dan peneliti sastera bahawa teks Sulalatus Salatin merupakan sebuah teks sejarah dan kesusasteraan yang terpenting dan terbaik kerana dapat membekalkan maklumat dan fakta sejarah kesultanan Melayu yang tertua di negara ini dan tiada hasil kesusasteraan Melayu yang dapat menandingi keunggulannya naskah ini.



Wan Nor Fazlina binti Wan Abdullah (PNM), mendeklamasi sajak "Sejarah Melayu" karya Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh Sasterawan Negara.





BICARA SARJANA: MAGIC AND DIVINATION IN MALAY ILLUSTRATED MANUSCRIPTS

MANUSKRIP

Bicara Sarjana merupakan sesi bicara dan perkongsian maklumat bersama penyelidik budaya dan manuskrip Melayu. Penyelidik yang telah dijemput pada program ini adalah Dr. Farouk Yahya dari School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London yang telah membicarakan tentang hasil kajian dan penerbitan beliau iaitu buku *Magis and Divination in Malay Illustrated Manuscripts*. Program ini telah dilaksanakan pada 22 Oktober 2015 di Bilik Serbaguna Aras 1, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).


Dr. Farouk Yahya telah mengupas isi kandungan buku yang menghimpunkan kajian beliau tentang ilustrasi yang berkaitan dengan amalan sihir dan ramalan yang terdapat dalam manuskrip pada akhir abad ke-18 sehingga awal abad ke-20. Beliau menyatakan kajian yang dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti kandungan ilustrasi dalam manuskrip, sumber dan tempat manuskrip tersebut dihasilkan. Ilustrasi ini kemudiannya akan dibuat bandingan dengan ilustrasi manuskrip dari luar nusantara. Berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan, beliau mendapati terdapat banyak kekurangan dalam tradisi ilustrasi manuskrip Melayu tetapi dalam manuskrip sihir dan ramalan atau tilikan, imej lukisan banyak dipamerkan termasuk ilustrasi pra-Islam yang mempunyai persamaan dengan budaya dan agama lain.



Dr. Harun Mat Piah, penyelidik Manuskrip Melayu memberi pandangan beliau.



Dr. Farouk Yahya menyampaikan hasil kajian beliau.



Peserta bengkel bertanyakan soalan dan memberi pandangan



Temuramah Media



PNM Sana-



Majlis Pelancaran Ekspo Buku Malaysia

Pameran Persidangan Masjid Putra



M Sini



Lawatan Perpustakaan Desa (PD)



'Program Ihtiyat' namadhan 1436H



Maajlis Pencerapan Nilai-Nilai Mawani





PAMERAN BAHASA SEMPENA MAJLIS GENTA BAHASA II SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK) PERINGKAT SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM 2015

Jabatan Perkhidmatan Awam telah menganjurkan Majlis Genta Bahasa II sempena Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) Peringkat Sektor Perkhidmatan Awam 2015 pada 14 Disember 2015 (Isnin) di Wisma Radio, Angkasapuri. Majlis Genta Bahasa II telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan pameran bertemakan Bahasa Melayu: Koleksi Nadir dan Peribadi.



Gambar sekitar lawatan pameran PNM oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YBhg Datuk Dr. Haji Awang bin Sariyan, Ketua Pengarah DBP.



PROGRAM BAHASA MERENTAS DESA 2015

Program Bahasa Merentas Desa 2015 diadakan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan. PNM mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti dalam usaha menyokong Bulan Bahasa Kebangsaan ini. Bahasa Merentas Desa 2015 merupakan kolaborasi antara PNM dengan Perpustakaan Desa PNM. PD yang terlibat untuk program Bahasa Merentas Desa pada tahun 2015 ialah PD Kampung Melayu, Kluang Johor. Keterlibatan pihak PD dalam program ini adalah salah satu usahasama dalam meningkatkan martabat bahasa Melayu dan mengeratkan hubungan antara PNM dan PD di bawah naungan PNM. Objektif Program Bahasa Merentas Desa ini adalah mempersegar kecintaan dan kemegahan terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat, mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa menerusi kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan, meningkatkan minat dan kemahiran penggunaan bahasa Melayu melalui pembacaan.

Majlis Perasmian telah diadakan pada tanggal 30 November 2015 bersamaan hari Isnin. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia iaitu YBrs. Puan Hajjah Nafisah binti Ahmad. Tetamu jemputan yang dijemput untuk memeriahkan majlis terdiri daripada dif-dif kehormat negeri Johor, jabatan kerajaan negeri Johor, pelajar IPT, pelajar sekolah serta penduduk setempat iaitu penduduk Kampung Melayu, Kluang Johor.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sempena Majlis Perasmian Program Bahasa Merentas Desa antaranya pertandingan warna dalam bahasa, bercerita, baca jawi, pertandingan busana tradisional sambil berpantun, deklamasi sajak, menjahit butang baju, dan menulis khat. Aktiviti ini diadakan mengikut kategori dan peringkat umur, bermula daripada tadika sehingga kaum ibu dan bapa.



KP PNM disambut oleh si cilik



En. Ramli bin Yahya Munsyi Dewan memberi ceramah bertajuk Kecaknaan Bahasa Melayu



"ASEAN BEYOND 2020"

Bicara ASEAN dengan tajuk "ASEAN Beyond 2020" telah dilaksanakan pada 14 Ogos 2015 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF). Ia merupakan satu strategi mempromosi peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam menyebarkan maklumat khususnya berkaitan ASEAN kepada masyarakat sempena sambutan Hari ASEAN dan menunjukkan sokongan kepada Malaysia sebagai negara pengerusi ASEAN 2015. Program ini telah dihadiri oleh 227 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah harian dan asrama penuh, dua buah



kolej komuniti, kolej swasta, pustakawan gunasama dan badan bukan kerajaan serta kakitangan PNM. Dua orang pembicara jemputan telah dijemput iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Hj Abdul Razak, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Keamanan Sedunia Perdana dan YBhg. Dato' Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Kementerian Luar Negeri. Program ini dikendalikan oleh Encik Terrence Dass, Pengacara TV1.



BICARA SEHATI SEJIWA

Bicara Sehati Sejiwa telah dilaksanakan pada 8 September 2015 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sempena sambutan Hari Kebangsaan 2015. Bicara ini merupakan satu strategi bagi menyemarakkan semangat rasa cintakan Malaysia di kalangan rakyat khususnya pengguna Perpustakaan Negara Malaysia. Melalui perkongsian ilmu yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Sidek bin Baba daripada Kuliyyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, diharapkan kesedaran dan semangat patriotik dapat dipupuk dan dihayati oleh para hadirin.

Program ini telah dihadiri oleh 249 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan pengguna perpustakaan.





BENGGKEL MARI BELAJAR BAHASA MELAYU

Dalam usaha memartabat bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa kebangsaan, PNM yang berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek dan bidang turut sama menyokong dengan melaksanakan program khusus bagi masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.

Bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan 2015, Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka serta Projek Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, warga asing yang terlibat dalam projek ini telah menyertai "Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu" bagi mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan seharian mereka.

Berkonsepkan pembelajaran secara santai dan ilmiah, bengkel ini telah dilaksanakan secara bersiri di Bilik Syarahan, PNM pada bulan Oktober yang lalu dengan penyertaan seramai 28 orang peserta. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Faridah A.Rahman, ahli Munsyi Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara peserta yang terlibat dalam bengkel ini terdiri daripada peserta dari negara China, Pakistan, Amerika, Bangladesh, France, Iran, United

Kingdom, India, New Zealand dan Australia.

Majlis penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta "Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu" ini telah dilaksanakan oleh YBrs. Timbalan Ketua Pengarah PNM, Puan Maizan Ismail pada 31 Oktober 2015.



Pn. Faridah A. Rahman Munsyi Dewan Bahasa dan Pustaka mengendalikan bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu



Peserta bengkel En. John Patrick Frederick Jasen dari Ireland bertanyakan solan



The 16th Congress of Southeast Asian Librarians Meeting and General Conference (CONSAL XVI) telah berlangsung dari 10-13 Jun 2015 bertempat di Bangkok International Trade and Exhibition Centre (BITEC), Bangkok, Thailand. Bertemakan "ASEAN Aspirations: Libraries for Sustainable Advancement", persidangan ini telah menarik penyertaan lebih dari 800 Pustakawan, profesionalis maklumat dan ahli akademik dalam bidang kepustakawanan dari seluruh Negara-negara ASEAN khususnya dan dari seluruh dunia amnya. Persidangan ini telah dianjurkan oleh National Library of Thailand dan *Thai Library Association*. Persidangan ini telah dirasmikan oleh HRH Princess Maha Chakri Sirindhorn.

Objektif persidangan CONSAL ini adalah untuk :

- Mengukuhkan perpaduan dan kerjasama di kalangan perpustakaan dan pusat maklumat di negara-negara Asia Tenggara, terutamanya dalam skop pengetahuan ASEAN dan pengurusan pengetahuan;

- Berkongsi pengalaman berkaitan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di negara-negara Asia Tenggara dan pembangunannya di rantau Asia dan Oceania;
- Membangunkan projek-projek serantau secara usahasama khususnya yang berkaitan dengan capaian kepada sumber-sumber ilmu ASEAN, pengurusan pengetahuan dan perkhidmatan maklumat ;
- Menggalak dan mempertingkatkan perkongsian sumber ilmu ASEAN untuk memenuhi keperluan pengguna;
- Memperkenalkan teknologi-teknologi baru khususnya yang berkaitan dengan perpustakaan;

- Memperkenalkan trend terkini dan inovasi-inovasi baru berkaitan perpustakaan serta mempromosikan budaya Thai kepada semua.

Hari pertama persidangan dimulakan dengan Ucaptama Persidangan oleh Ms Sinikka Sipila (Finland), iaitu *President of the International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)*. Ia kemudiannya diikuti dengan pembentangan 12 kertas laporan berkenaan pencapaian dan kemajuan perpustakaan di Negara-negara ASEAN/Oceania. YBrs. Pn. Hajah Nafisah Binti Ahmad, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia telah membentangkan kertas laporan bagi mewakili Malaysia.

Hari kedua Persidangan CONSAL XVI merupakan hari pembentangan kertas



Kaunter pendaftaran peserta Persidangan CONSAL XVI dibuka pada 10 Jun 2015 di ruang legar, BITEC, Bangkok.



Sesi pembentangan 'Country Report' oleh wakil-wakil perpustakaan dari Negara-negara ASEAN



YBrs. Pn. Hajah Nafisah Binti Ahmad, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia membentangkan kertas laporan bagi mewakili Malaysia semasa Persidangan CONSAL XVI.



YBrs. Pn. Hajah Nafisah Binti Ahmad, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia bergambar bersama-sama pembentang 'country report' dari Negara-negara ASEAN.

kerja. Ia telah dibahagikan kepada 6 'parallel session' atau pembentangan serentak di enam (6) lokasi dewan pembentangan. Parallel session dipenuhi dengan pembentangan oleh para pembentang kertas kerja dari pelbagai Negara. Kebanyakan kertas kerja adalah hasil penulisan dan penyelidikan dalam bidang kepustakawanan di negara masing-masing. Antara judul-judul kertas kerja dari Malaysia yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

- "Collecting information and artifacts about the Southeast Asian Peninsula (SEAP) Games: Issues regarding conservation and preservation" – Pembentang: Lim Peng Han & Mohd. Salleh Aman ;
- "Industrial Training for Library and Information Science Students:

Malaysian Experience" – Pembentang: Janaki Sinnasamy dan Nor Edzan Che Nasir ;

- "Resource Sharing Among ASEAN Libraries: Bridging the Information Divide" – Pembentang: Chin Loy Jyoon & Khasiah Zakaria ;
- "AUNIL Pathfinder: An Initiative in Promoting Asian Rare Collections – Pembentang: Radia Banu Jan Mohamad, Nor Azlina Wan Jan, Ramlah Che Jaafar, Shahriza Fadly Misaridin, Mahbob Yusof dan Wararak Pattanakiatpong;
- "Information Literacy for Sustainable Advancement: The Malaysian Experience" – Pembentang: Chin Loy Jyoon dan Yazid Ibrahim (PNM) ; dan
- "Institutional Repository for Sustainable Advancement: The Malaysian

Experience" – Pembentang: Zahuddin Sidek @ Salleh & Katrun Nada Haji Hashim (PNM).

Acara penutup Persidangan CONSAL XVI telah diadakan pada lewat petang, 12 Jun 2015 di Grand Hall, BITEC. Antara pengisian menarik semasa majlis penutup Persidangan CONSAL XVI ini adalah Majlis Penyampaian Anugerah Pustakawan Cemerlang ASEAN, persembahan kebudayaan oleh para Pustakawan Thai, majlis penyerahan bendera kepada wakil Myanmar selaku hos Persidangan CONSAL yang akan datang dengan diakhiri oleh persembahan kebudayaan oleh negara Myanmar. Majlis makan malam telah diadakan pada sebelah malam dan telah ditaja oleh pembekal perkhidmatan pangkalan data perpustakaan iaitu Access Dunia.



Delegasi dari IFLA dan negara-negara ASEAN berfoto bersama HRH Princess Maha Chakri Sirindhorn



IFLA WLIC 2015: AFRIKA SELATAN

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) adalah sebuah organisasi antarabangsa yang memimpin dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan keputakawanan di seluruh dunia. IFLA merupakan wadah bagi menyuarakan ide dan pandangan ahli dalam bidang keputakawanan dan perpustakaan di peringkat antarabangsa.

Perpustakaan Negara Malaysia yang diterajui oleh Puan Hajah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah dan dua orang pegawai iaitu Puan Chin Loy Jyoon, Puan Junaidah Rosliy telah menyertai Persidangan IFLA ke-81 serta mengadakan booth pameran di IFLA WLIC yang julung kali dalam sejarah PNM di Cape Town, Afrika Selatan pada 14 hingga 21 Ogos 2015. PNM telah menjemput Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Pustaka Negeri Sarawak untuk turut menyertai dalam pameran IFLA.



Penyertaan ini menyokong Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam bidang keputakawanan ke taraf antarabangsa. Pameran PNM telah mendapat sambutan yang hangat dan mengalakkan dengan seramai 2,000 pengunjung yang terdiri dari peserta Persidangan IFLA, penyelidik dan pembekal alat komputer. Seramai 50 pustakawan dari pelbagai perpustakaan dan institusi di Malaysia juga turut menyertai persidangan ini. Sebanyak 200

pempamer dari seluruh dunia telah turut serta dalam pameran ini.

Selain dari menghadiri Persidangan IFLA, Ketua Pengarah dan Pegawai PNM telah menghadiri Majlis Perasmian, Pameran IFLA, lawatan ke perpustakaan seperti Perpustakaan Negara Afrika Selatan, Perpustakaan Franschoek dan Mesyuarat Agung Tahunan IFLA.



“Dynamic Libraries: Access, Development and Transformation”

14 - 21 August, Cape Town, South Africa

Mesyuarat Tahunan Conference of Directors of National Libraries

Ketua Pengarah PNM dan Puan Chin Loy Jyoon juga telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Conference of Directors of National Libraries (CDNL) dengan tema “How the National Libraries will succeed with their digital strategies” pada 18 Ogos 2015 di Perpustakaan Negara Afrika Selatan. Mesyuarat dipengerusikan oleh Encik Kai Ekholm, Pengarah, Perpustakaan Negara Finland dan di hadiri oleh semua Ketua Pengarah Perpustakaan Negara dari seluruh dunia. Antara perkara menarik yang dibincangkan termasuk aktiviti IFLA dan Global trends and showcases : Data meets the customers.



GAJET SAMSUNG PENYAMBUNG HAYAT PEMBELAJARAN

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Samsung Malaysia Elektronik telah menganjurkan satu Satu Program Ceramah Gajet Sebagai Alat Pembelajaran Sepanjang Hayat pada 28 Oktober 2015 di Samsung Smart Library, PNM. Seramai 46 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru sekolah disekitar Lembah Klang telah menghadiri program yang julung-julung kali diadakan ini.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada pengguna mengenai fungsi gajet sebagai alat pembelajaran yang berkesan serta teknik dan cara penggunaan gajet dengan betul. Melalui program ini, peserta diberi tunjuk ajar mengenai kegunaan gajet dan fungsi aplikasi yang terdapat dalam gajet yang boleh dimanfaatkan.

Pengisian aktiviti program dilaksanakan melalui sesi ceramah penggunaan gajet dan sesi *hands on* perkhidmatan sumber elektronik yang disediakan oleh PNM. Sesi kedua adalah sesi *hands on* pengguna perkhidmatan sumber elektronik yang terdiri daripada 22 pangkalan komersil yang disediakan oleh PNM secara percuma kepada pengguna yang boleh diakses dari dalam premis dan luar premis PNM dengan menggunakan gajet.

Melalui pendedahan ini dapat memberi kemahiran kepada peserta mengenai penggunaan gajet yang boleh memberi kesan positif kepada pembelajaran golongan kanak-kanak mahupun golongan dewasa.



Para guru sekolah sedang mengikuti taklimat dan sedang menguna gajet Samsung di PNM





AKTIVITI KANAK-KANAK

Suasana Sekitar Aktiviti

RIANG RIA MERDEKA

Aktiviti ini diadakan sempena sambutan bulan kemerdekaan ke-58 dan sambutan Hari Malaysia. Objektif aktiviti adalah bagi menerapkan nilai-nilai patriotisme di kalangan pengunjung perpustakaan. Di samping itu, aktiviti ini juga bertujuan mempromosikan perkhidmatan dan koleksi bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan dalam usaha memperkasakan budaya membaca di kalangan masyarakat.



Apresiasi Puisi Merdeka



Batik Ekstravaganza



Mewarna



AKTIVITI SEMPENA CUTI SEKOLAH

MY NAME IS BOB,

My name is BOB merupakan sesi bercerita berdasarkan kisah benar seekor kucing jalanan dan tuannya James. Buku ini ditulis oleh James Bowen dan Garry Jenkins.



Sesi Bercerita Bersama Kak Cher



Kraftangan Topeng Kucing





BENKEL PENGHAYATAN, PENCIPTAAN DAN PENGUCAPAN PANTUN

Bengkel Penghayatan, Penciptaan dan Pengucapan Pantun telah diadakan 30 Oktober 2015 di Auditorium Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Dua orang aktivis seni pantun Perlis telah dijemput iaitu Rejab F.I dan Nasir Ali. Peserta bengkel telah didedahkan dengan teknik-teknik penciptaan pantun dan pengucapan pantun yang baik. Latihan amali juga telah diadakan bagi menambahkan lagi kefahaman peserta dalam bidang ini. Di akhir sesi, peserta dikehendaki menyediakan 10 rangkap pantun mengikut tema yang telah ditetapkan iaitu Pertanian, Sukan, Ekonomi, Tempat Menarik, Agama dan lain-lain lagi. Pantun-pantun yang telah dikarang ini akan dibukukan dan pencipta pantun terbaik akan menerima hadiah daripada penganjur.



PROGRAM PENGKISAHAN SEJARAH DAN NOSTALGIA PERLIS NEGERIKU

Program Pengkisahan Sejarah dan Nostalgia Perlis Negeriku telah diadakan pada 27 Ogos 2015 sempena sambutan Hari Kebangsaan 2015. Majlis telah dirasmikan oleh DYTM Raja Muda Perlis. Program ini terbahagi kepada dua sesi iaitu Program Pengkisahan Sejarah dan juga Pameran Nostalgia Perlis Negeriku.

Program Pengkisahan Sejarah

1. Tema : Ikrar Terpatri Bakti Dicurah
Panel : Tuan Amizan Ariffin, Tuan Azemi Zakaria
2. Tema : Sosio Budaya Warisan Bangsa
Panel : En Busu Ahmad dan En Zain Hamzah

Pameran Nostalgia Perlis Negeriku

Sebanyak 80 koleksi gambar-gambar lama negeri Perlis meliputi institusi raja, pembangunan negeri, pertanian, peristiwa, bangunan dan pelbagai lagi telah dipamerkan. Gambar-gambar lama ini telah diperolehi dengan usaha dan kerjasama antara KEMAS Negeri Perlis dan Unit Pentadbiran Daerah, SUK Negeri Perlis.



PERTANDINGAN PANTUN TERBUKA NEGERI PERLIS 2015

Pertandingan Pantun Terbuka Negeri Perlis 2015 telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan telah mendapat penyertaan daripada NGO, Jabatan Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi. Pertandingan ini adalah kerjasama antara Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis dan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah menghantar satu kumpulan pemantun dan telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Pantun Terbuka Negeri Perlis 2015. Pemantun dari Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Haizatul Afni bt Bakhtiar juga telah dinobatkan sebagai Pemantun Terbaik 2015. Pemenang menerima hadiah wang tunai, sijil dan



plak yang telah disampaikan oleh EXCO Belia & Sukan, Pelancongan Kebudayaan, Kesenian & Warisan, Tuan Abdul Jamil bin Saad. Tema-tema yang telah diketengahkan dalam pesta pantun ini ialah kesenian dan kebudayaan, permainan tradisional, 1 Malaysia, Transformasi, Budaya Membaca dan Budi Bahasa.

Peringkat Saringan telah diadakan pada 10 September 2015 manakala peringkat akhir pada 18 September yang telah mempertemukan Pasukan Khutub Khanah (Perpustakaan Awam Negeri Perlis) dan Kumpulan Sanggar Mustika (UiTM) bagi penentuan Johan dan antara IPGM Kampus Perlis dan Lantera (NGO) bagi penentuan tempat ketiga dan keempat.

18 NASIONAL



Nafisah (kanan) dan Kamariah ketika Wacana Sulalatus Salatin Siri Keenam di PNM, Kuala Lumpur.

(FOTO SHIRAZ ALI/BH)

4,600 manuskrip tulisan Jawi belum dikaji

Kuala Lumpur: Sebanyak 4,600 manuskrip bertulisan Jawi dalam pelbagai bidang ilmu yang menjadi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) belum dikaji. Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad, berkata koleksi manuskrip itu dikumpulkan sejak 30 tahun lalu, iaitu ketika penebuan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu PNM pada tahun 1985. Katanya, manuskrip itu merakam ketamadunan Melayu dan khazanah keilmuannya yang berharga untuk diket...

Bah: Perpustakaan Negara bantu pustaka desa

KOTA BHARU: Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan bagi membuat persiapan awal menghadapi kemungkinan banjir berulang tahun ini.

RM400,000 bagi membaiki empat perpustakaan terabit. "Dan tahun ini kita mengambil tindakan proaktif

Hadir sama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Nafisah Ahmad, Pengarah Jabatan

dan membangunkan perpustakaan di negeri ini termasuk program dianjurkan PNM.



Dr Mohamed Fadzli menerima replika cek daripada Nafisah.

Pengerusi Lembaga PPAK, Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pihaknya sudah mengenal pasti perpustakaan daerah dan desa yang sering dilanda banjir.

Katanya, perpustakaan tersebut termasuk Perpustakaan Desa (PD) Kampung Kemubu dan PD Kampung Manek Urai di Kuala Krai; PD Taman Remah, Tanah Merah dan PD Bunut Susul, Pasir Mas.

"Aldat bah besar tahun lepas PPAK menerima peruntukan pemulihan banjir daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebanyak

membuat persiapan menghadapi kemungkinan berlaku banjir akhir tahun ini," katanya ditemui pada Karnival Perpustakaan Di Hatiku dan Program Sumbangan Bantuan Pemulihan Banjir, di sini, baru-baru ini.

Pembangunan Persekitaran (JPP), Dato' Makhia tapha, Pengarah PPAhamad Othman dan S Khairiah Mohamad.

Dr Fadzli juga berkata PPAK sentiasa bekerjasama bagi me

Nafisah pula memberitahu program karnival itu menyerlah kolaborasi antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri bagi memastikan perkhidmatan

ibarat seperti 'melukut di tep Bahasa Me semakin le

Oleh ADILAHANI KHAIR
pergaulan@khasan.com.my
■ KUALA LUMPUR 19 OKT.
SITUASI penggunaan bahasa Melayu yang semakin lemah dalam kalangan masyarakat ketika ini dibimbangkan seperti 'melukut di tepi ganggang' sehingga terdapat pihak beranggapan bahasa kebangsaan itu tidak setanding di peringkat antarabangsa. Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seng berkata, penggunaan bahasa kebangsaan tersebut dilihat semakin dikecilkan kepeperangan apabila semakin banyak bahasa...

10 Setempat

HANG TUAH DALAM CATATAN DA VINCI

■ Penemuan terbaru jejak Orang Kaya Laksamana Tun Tuah oleh pengkaji sejarah UPM

Dr Mohd Hafiz Subaidin
mahaf@upm.edu.my
Kuala Lumpur
Pakar terkenal dunia, Leonardo da Vinci pernah menulis catatan mengenai pahlawan Melayu, Laksamana Hang Tuah antara 1503 hingga 1516 ketika menjadi seorang isteri. Menurut agak pelik namun ia adalah satu penemuan terbaru oleh pengkaji sejarah pahlawan Melayu itu berdasarkan catatan dalam buku Note of Leonardo da Vinci. Dalam catatan itu, da Vinci ada menulis 'saya melihat kenderaan selapan berangka orang kaya Melaka dan perikatan selapan itu tidak jelas sama ada disebut Laksamana atau Hang Tuah. Walaupun perikatan itu tidak jelas, tetapi ia memang dilakuk sebagai Hang Tuah kerana pada tahun berhebat Hang Tuah'.

Catatan da Vinci itu membuktikan Hang Tuah benar-benar wujud sehingga disebut penulis luar negara serta bukan dongeng

catatannya tidak pernah ditanyakan sebarang halapunya. Sejak ini, belum dapat dipastikan lokasi di mana mereka pernah berjumpa, tetapi ketika sugemilangan empayar Melaka, Hang Tuah pernah dibintar Sultan Melaka ke beberapa negara termasuk ke Turki. Penemuan terbaru ini didedahkan Penterjemah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Hafiz Kamardin dalam Wacana Marnaleq Melayu "Hang Tuah: Daripada Mitos Kepada Fakta Sejarah" di Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak, di sini, semalam. Untuk memuktamadkan kertas kerja, Profesor Lingahat Melayu dari Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi UPM Prof Kusrin De Hasbani Musa.

HANG TUAH (1444-1511)

Hang Tuah adalah seorang pahlawan legenda bertungku Melayu pada masa pemerintahan Kesultanan Melaka di abad ke-15 (Kesultanan Melaka di Melaka) bermula pada 1400-1511. Menurut rekod sejarah, beliau lahir di Kampung Sungai Duyang, Melaka kira-kira dalam tahun 1444. Raporat bertema Hang Mahomed memulakan Hang pada tahun 1480. Raporat juga pernah menjadi pembantu kepada raja dan merupakan seorang abdi yang amat dihormati dan di...

Hang Tuah dan empat kawannya, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekir memusnahkan lima beribu Adipati di Gunung Ledang. Setelah menuntut ilmu, mereka berjumpa kembali ke kota Melaka. Pada suatu hari, mereka berjaya menyelamatkan Dato' Bendahara (atau Perdana Menteri) daripada seorang lelaki yang sedang mengancam. Dato' Bendahara kegugur dengan ketangkasan mereka dan menjerit mereka semua ke rumahnya dan seterusnya mengabdikan mereka untuk bertugas di istana. Seperti itu Hang Tuah dan sahabat-sahabahnya amat dihayati oleh Sultan Jenggalah...



Dr Mohd Hafiz dan Dr Subaidin memegang Hang Tuah: Catatan Da Vinci yang...

LAWATAN DARI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) TERENGGANU



Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu



Taklimat PNM Digital



Samsung Smart Library (SSL)

LAWATAN DARI KOLEJ MATRIKULASI PULAU PINANG (KMPP)



Pusat Rujukan Malaysiana (Koleksi Nadir)



Samsung Smart Library (SSL) Zon Membaca



Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

LAWATAN DARI NATIONAL LIBRARY FOR CHIDREN AND YOUNG ADULTS, KOREA



Perpustakaan Kanak-kanak PNM



Delegasi bergambar kenangan



Perpustakaan Komuniti UTC Keramat Mall

LAWATAN DARI SOUTHEAST ASIAN FISHERIES DEVELOPMENT CENTER (SEAFDEC)



Taklimat Koleksi Nadir dan Peribadi



Taklimat Pengiditalan



Bahagian Pemuliharaan

Pusat Rujukan Malaysiana (Pameran Koleksi Nadir)



Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Delegasi tertarik dengan koleksi manuskrip tertua berusia hampir 400 tahun "Khalq al Samawati Wa al-Ard oleh Sheikh Nuruddin Al-Raniri (1637M)



BELANGKASUJWA



ALLAHYARHAMAH
YATIMAH YAAKUB
(1962 - 2015)

Puan Yatimah binti Yaakob dilahirkan pada 4 Disember 1962 di Besut, Terengganu. Beliau melanjutkan pelajaran di UiTM dalam Diploma in Library Science. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat daripada Universiti Malaya.

Allahyarhamah Puan Yatimah telah berkhidmat selama 23 tahun di PNM bermula pada 15 Februari 1992 sehingga 31 Mei 2015. Pada 16 September 1994, beliau telah dilantik sebagai Pustakawan Gred S3 di Bahagian Sumber Media. Kemudiannya beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah (S48) di Perpustakaan Foto, Jabatan Penerangan Malaysia. Pada 16 September 2009, beliau kembali berkhidmat di PNM di Bahagian Perkhidmatan Pengurusan PERDANA. Semasa beliau di bahagian ini, beliau terlibat dengan beberapa projek ICT iaitu Projek Katalog Induk Kebangsaan dan Projek u-Pustaka.

Sumbangan beliau terhadap Jabatan diteruskan lagi apabila beliau ditukarkan ke Bahagian Penyelidikan pada 1 Mac

2013. Sepanjang berada di Bahagian Penyelidikan, beliau telah menjayakan beberapa projek penyelidikan seperti Kajian Keberkesanan Perisian K-Jawi, Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP), Kajian Kelajuan Perkhidmatan Wi-fi, Survey keperluan Pengguna PNM, Kajian Pembangunan Industri Perbukuan: Status dan Prestasi Penjual Buku di Malaysia, Kajian Transformasi Perpustakaan di Malaysia, Kajian Penggunaan Perkhidmatan PNM Digital dan yang terakhir beliau terlibat sehingga di peringkat laporan awal bagi Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014.

Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 1 Jun 2015.

PNM amat mengenang jasa dan khidmat bakti Allahyarhamah.

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang soleh dan beriman.

Al-Fatihah.

TAHUKAH ANDA



Mendengar Al-Quran selama 3 jam sehari dapat meningkatkan sistem imunisasi, melindungi kesihatan hari dan otak serta memprogram semula sel-sel tubuh.



Gelombang bunyi dan alunan ayat-ayat suci Al-Quran akan mengaktifkan sel-sel tubuh dan dapat menyembuhkan penyakit seperti serangan jantung dan kanser.



Allah berfirman dalam Surah Al-A'raf, ayat 204 yang bermaksud: "Dan apabila dibacakan Al-Quran, dengarkanlah dan diamlah agar kamu mendapat rahmat".

SAJAK

SETIAP LANGKAH BERMULA

Setiap langkah bermula
kumulai dengan kalimah

Bismillah

harap-haraplah Dia
menemaniku

dengan rahmat dan
reda-Nya

biar sinar kegemilangan
mengiringi mengekori

setiap lelahku

mengejar mencari
kebahagiaan hakiki.

Setiap langkah bermula
kumulai dengan kalimah

Bismillah

harap-haraplah kakiku
takkan lagi

tergelincir di jalan noda
dan dosa

lalu tersungkur ke jurang
jahanam.

Setiap langkah bermula
kumulai dengan kalimah

Bismillah

mengharap pepohon
keikhlasan

menyubur desa hati
biar bisa aku mendekati Dia

agar bisa aku mengenali Dia
agar bisa aku mencintai Dia

semoga tercalon menjadi
penghuni syurga.

Nukilan

Noriezzsma A Gaib



SUKAN AMUKAN SANG JUARA

PNM dinobatkan sebagai Juara Kejuhan Badminton Antara Agensi 2015 pada 30 Oktober 2015, Kejuhan ini adalah anjuran Biro Sukan dan Rekreasi Puspanita Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Kejuhan selama 3 hari bermula pada 28 – 30 Oktober 2015 telah berlangsung di Dewan Seri Mutiara, Muzium Diraja.

PNM telah mengharungi perlawanan dengan Kraftangan (3-0), Balai Seni B (3-0) dan Warisan (2-1). PNM menang di pusingan separuh akhir mengalahkan TOURISM, 2-1. Perlawanan akhir, PNM menentang JMM dan menang dengan keputusan 2-0

Hadiah telah disampaikan oleh YBrs En. Kamarul Baharin A. Kassim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Juara menerima Piala Pusingan, medal dan wang tunai RM300.00.



Piala Pusingan Kejuhan Badminton Antara Agensi 2015 milik PNM



MUTIARA KATA



Nikmati Pekerjaan Mu
Agar Terasa Ringan
Dan Mendapatkan Hasil
Yang Memuaskan

Dengan Ilmu Hidup Menjadi Mudah
Dengan Seni Hidup Menjadi Indah
Dengan Iman Hidup Menjadi Terarah

Sumber :
Arkib Negara Malaysia



“Sesiapa yang bekerja semata-mata kerana wang dan bukan kerana cintakan pekerjaannya, dia tidak akan memperolehi kebahagiaan dalam hidupnya.”

“Orang luar biasa sering memikirkan kemurnian. Orang biasa sering memikirkan tentang kesenangan.”

Sumber :
Perpustakaan Negara Malaysia



Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

Untuk mengenal akhlak dan peribadi yakni adab seseorang, berikan kuasa kepadanya, kemudian lihat bagaimana ia bertindak.

Sumber :
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



Disiplin bekerja dan beribadah memimpin kepada kesempurnaan hidup.

Sumber :
Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara



Amanah, Kerja Keras
Ikhlas Dalam Semua Pekerjaan
Semua Pengorbanan ini Akan
Tuhan Bayar Dengan Harga Yang
Sepatutnya Suatu Saat Nanti

Sumber :
ASWARA



KRAFTANGAN MALAYSIA

“Bertambah Kuat Kepercayaan Kepada Agama,
Bertambah Tinggi Darjatnya Di Dalam Pergaulan Hidup,
Dan Bertambah Baik Tingkah Laku dan Akal Budinya”

Sumber :
Kraftangan Malaysia



Kekuatan Tidak Hanya Datang
Dari Kemampuan Fizikal
Tetapi Ianya Datang Dari Semangat
Yang Tidak Pernah Mengalah

Sumber :
Lembaga Pembangunan Seni Visual
Negara



Wrong Is Wrong
Even If Everyone Is Doing It
Right Is Right
Even If Only You Are Doing It

Sumber :
Tourism Malaysia



Waktu laksana pisau yang mempunyai dua mata timbal balik;
Kalau dipergunakan banyak pekerjaan dapat selesai dengan segera, tetapi kalau lalai, tangan sendiri yang akan dilukainya.

Sumber :
Jabatan Muzium Malaysia



KEMENTERIAN
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 JALAN TUN RAZAK, 50572, KUALA LUMPUR

T. 603 2687 1700 | F. 603 2694 2490

www.pnm.gov.my



blog@pnm.pnm.gov.my



www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia



https://twitter.com/PNMA_sosial